

**MAKNA DAN FALSAFAH DI SEBALIK PEMBINAAN RUMAH TIANG
DUA BELAS DI KOTA BHARU, KELANTAN**

SITI NURSHAHIRAH BINTI RADIN KAIMIN

**UNIVERSITI
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

DENGAN KEPUJIAN

**2024
MALAYSIA**

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**MAKNA DAN FALSAFAH DI SEBALIK PEMBINAAN RUMAH TIANG
DUA BELAS DI KOTA BHARU, KELANTAN**

DISEDIAKAN OLEH:

SITI NURSHAHIRAH BINTI RADIN KAIMIN

**Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tei boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

SITI NURSHAHIRAH BINTI
RADIN KAIMIN

DR. NORAZLINDA BINTI
MOHAMED ROSDI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PERAKUAN

Projek bertajuk “ Makna dan Falsafah di sebalik Pembinaan Rumah Tiang Dua Belas di Kota Bharu, Kelantan” telah disediakan oleh (**SITI NURSHAHIRAH BINTI RADIN KAIMIN**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Warisan Budaya**)

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Bismillahi Rahmani Rahim. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT atas segala limpah kurnia-Nya, Yang Maha Bijaksana dan berkuasa ke atas sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sahabat serta keluarga baginda yang mulia.

Syukur dilafazkan akan segala pemberian-Nya, tiada keupayaan diri melainkan izin Allah SWT juga projek penyelidikan ini berjaya disempurnakan dan disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana pelbagai kekangan masalah yang dihadapi sepanjang kajian ini dilakukan dapat diatasi dengan baik. Perkara ini menjadikan penulis insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Jutaan terima kasih yang dirakamkan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi di atas kesabaran dalam mengajar, bimbingan dan teguran kepada penulis sehingga kajian ini berjaya disiapkan dengan jayanya.

Di samping itu, ribuan terima kasih juga diucapkan buat ibu bapa saya yang dikasihi atas doa, nasihat, sokongan dan bantuan yang telah dihulurkan kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini. Jasa kalian tidak akan dilupakan hingga ke akhir hayat. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik saya yang memberikan dorongan dan sokongan untuk saya meneruskan menyiapkan projek penyelidikan ini.

Tidak dilupakan juga buat rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan dorongan sesama sendiri serta kata-kata semangat dan motivasi. Akhir kata, diucapkan juga terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Terima kasih buat semua, semoga kalian sentiasa mendapat rahmat dari-Nya. Amin.

MAKNA DAN FALSAFAH DI SEBALIK PEMBINAAN RUMAH TIANG DUA BELAS DI KOTA BHARU, KELANTAN

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini adalah satu kajian mengenai makna dan falsafah di sebalik pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12 di Kota Bharu, Kelantan. Rumah Tiang 12 ini secara umumnya sudah diketahui akan kewujudannya kerana ia merupakan identiti dan kehidupan masyarakat di Kelantan. Pembinaan rumah ini mempunyai senibina yang unik dan istimewa. Walaupun masyarakat sedar akan keunikan seni bina rumah tradisional ini, malangnya mereka hanya memandang remeh akan kepentingan nilai estetikanya sehingga menyebabkan banyak rumah tradisional Tiang 12 ditinggalkan dan dibiarkan begitu sahaja tanpa penjagaan dan pemeliharaan dari mana-mana pihak. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sejarah pembinaan rumah tradisional ini dan mengetahui makna dan falsafah di sebalik pembinaan rumah tradisional ini. Di samping itu, pengkaji akan mengkaji struktur dan fungsi ruang dalam seni bina rumah tradisional ini. Kaedah pemerhatian, temu ramah dan analisis dokumen digunakan dalam memperolehi data sekaligus melengkapkan proses penyelidikan ini.

Kata Kunci: *seni bina, rumah tradisional, rumah Tiang 12, warisan negara, susunatur ruang*

The Meaning and Philosophy Behind The Construction of The 12 Pole House in Kota Bharu, Kelantan

ABSTRACT

This Research Project is a study on the meaning and philosophy behind the construction of Tiang 12 Traditional House in Kota Bharu, Kelantan. Rumah Tiang 12 is generally known for its existence because it is the identity and life of the community in Kelantan. The construction of this house has a unique and special architecture. Although the community is aware of the uniqueness of the architecture of this traditional house, unfortunately they only underestimate the importance of its aesthetic value, causing many traditional Tiang 12 houses to be abandoned and left alone without care and maintenance from any party. The purpose of this study is to find out the history of the construction of this traditional house and to know the meaning and philosophy behind the construction of this traditional house. In addition, the researcher will study the structure and function of space in the architecture of this traditional house. Observation, interview and document analysis methods are used in obtaining data as well as completing this research process.

Keyword: *architecture, traditional house, Tiang 12 house, national heritage, spatial layout*

ISI KANDUNGAN

	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	ii
	ABSTRACT	iii
	ISI KANDUNGAN	iv
	SENARAI JADUAL	vii
	SENARAI RAJAH	vii
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Skop kajian	9
1.7	Kepentingan kajian	11
1.8	Kesimpulan	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kearifan Tempatan dalam Seni Bina Rumah Tradisional	15
2.3	Pembudayaan Nilai Islam dalam Reka Bentuk Rumah Tradisional	16
2.4	Pengaruh Islam dalam Seni Bina	17
2.5	Seni Bina Melayu Moden	19
2.6	Penyusunan dan Fungsi Ruang Rumah Tradisional	20
2.7	Asal Usul Seni Bina Rumah Melayu	22
2.8	Kerangka Teori	24
2.9	Kesimpulan	26

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Kaedah Kajian	29
3.4	Kaedah Analisis Data	33
3.5	Alat Bantu Kajian	35
3.6	Penutup	36

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Analisis Demografi Responden	38
4.3	Sejarah Rumah Tradisional Tiang 12	40
4.4	Struktur dan Fungsi Dalam Seni Bina Rumah Tiang 12	50
4.5	Makna dan Falsafah di sebalik Pembinaan Rumah Tiang 12	54
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	60
5.2	Perbincangan Dapatan	61
5.3	Cadangan	64
5.4	Kesimpulan	67
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN	72

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	33
4.1	Analisis Demografi Responden	39

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Rumah Tradisional Tiang 12 Sri Getam Guri	5
1.2	Skop Kajian	10
4.1	Bentuk bumbung Tiang 12	41
4.2	Atap Bata Senggora	44
4.3	Tebar Layar Pancaran Matahari	44
4.4	Pagar Musang	45
4.5	Pandangan Hadapan Rumah Tiang 12	46
4.6	Pandangan sisi kiri Rumah Tiang 12	46
4.7	Pandangan sisi kanan Rumah Tiang 12	47
4.8	Sisip Angin	51
4.9	Lantai mempunyai lubang angin	51
5.1	Jemuran Basah/Selasar	53
5.2	Pemeleh Tebar Layar	57
5.3	Dinding janda hias	58
6.1	Harian Metro	72

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Seni bina rumah Malaysia tradisional terus mengekalkan tradisi nenek moyang. Seni bina lama, atau tradisional, masih digunakan. Seni bina rumah Melayu tidak sehebat mana pada masa kini. Barang seperti genting dan tutup bumbung tidak digunakan lagi. Seni bina merupakan satu manifestasi kebudayaan yang menunjukkan nilai dan pencapaian dari segi tamadunya. (Tun Dr. Mahathir, 1981).

Seni bina Melayu adalah jenis seni yang memerlukan kepakaran, kreativiti, kerajinan dan pengamatan yang tajam dan terperinci. Menghasilkan karya seni yang bermakna dan berkualiti tinggi memerlukan masa, minat yang mendalam dan tenaga. Menurut Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiulfuad Yahya (2005), ini dibuktikan oleh tukang-tukang Melayu yang sangat menghayati sehingga mencapai tahap kehebatan dalam pembinaan. Ini terutamanya dilihat dalam reka bentuk istana yang dibina oleh kesultanan Melayu di kawasan ini. Menurut Bobby & Imbardi (2018), seni bina Melayu mempunyai makna dan falsafah yang berbeza, yang bermula dari kearifan budaya dan kehidupan masyarakat setempat. Ianya

dimulakan dengan peringkat awal pembukaan tanah untuk pembangunan rumah iaitu upacara menentukan tapak. Upacara ini juga melibatkan menjaga kampung dan menjaga laut, serta menentukan bentuk dan susunan bangunan dalam dan luar.

Menurut Abdul Azis Said (2004), rumah tradisional ialah bangunan yang mempunyai struktur, bentuk, fungsi, cara pembuatan, dan gaya hias yang unik. Seni warisan dikekalkan dan diwariskan secara turun-temurun serta boleh digunakan oleh penduduk tempatan untuk aktiviti kehidupan. Rumah tradisional dibina mengikut tradisi masyarakat dan dibina dengan cara yang sama oleh beberapa penduduk terdahulu, dengan sedikit atau tiada perubahan. Menurut Abdul Azis Said (2004), rumah tradisional boleh ditakrifkan sebagai rumah tradisional, rumah asli, atau rumah rakyat.

Masyarakat tahu bahawa garis panduan Islam adalah asas kepada pembinaan rumah tradisional Melayu. Selain itu, apabila ia melibatkan orang yang berlainan jantina, terdapat pemisahan ruang, iaitu antara kaum wanita dan kaum lelaki, yang bertujuan untuk membataskan pergaulan antara mereka. Ia boleh dijelaskan oleh aktiviti yang berlaku di dalam ruang. Dengan menggabungkan ciri-ciri nusantara, ruang seperti dapur, rumah ibu dan rumah tengah telah dibangunkan. Setiap rumah mempunyai fungsi yang memudahkan penghuninya.

Rumah tradisional Melayu ini hanya menggunakan pasak dan tanggam dalam pembinaannya. Oleh itu, Rumah Melayu Tradisional dianggap sebagai antara rumah paling unik kerana cara mereka dibina. Selain itu, susun atur ruang dirancang untuk memberikan keselesaan kepada ahli keluarga dan tetamu. Ini

disebabkan oleh fakta bahawa rumah Melayu tradisional yang mempunyai beberapa bahagian ruang direka untuk memuatkan tetamu dan ahli keluarga. Bahan yang digunakan dalam seni bina rumah tradisional Melayu tahan terhadap iklim Malaysia. Ini kerana kaki rumah boleh melindungi barangan dan ahli keluarga di dalam rumah apabila banjir.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Rumah Melayu tradisional di Kelantan masih ada yang dikekalkan dan dijaga oleh pemilik rumah. Antaranya adalah Rumah Melayu Tradisional Tiang 12. Bentuk sesebuah rumah dapat dikenalpasti melalui bentuk bumbung kerana bumbung antara elemen yang penting dalam membezakan bentuk-bentuk rumah tradisional di negeri Kelantan. Masyarakat Melayu Kelantan biasanya mengukur saiz rumah berdasarkan jumlah tiang yang menampung bumbungnya. Rumah Tiang Enam ialah rumah dengan enam tiang, manakala Rumah Tiang Dua Belas ialah rumah dengan dua belas tiang. Berdasarkan nilai asas Halim (1985) menyatakan bahawa rumah Melayu tertua ialah Rumah Tiang Dua Belas, yang belum lagi dipengaruhi oleh elemen seni bina dari luar.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejarah pembinaan rumah Tiang 12 yang mana kebanyakkan rumah tradisional ini sudah melebihi 100 tahun usianya.. Menurut Fachri Muhammad (2016), Kelantan adalah salah satu kota persinggahan yang berfungsi sebagai laluan perdagangan antara China, Arab, dan India. Lokasi yang dipilih ialah Rumah Tradisional Tiang 12 Sri Getam Guri di Kota Bharu. Lokasi seperti Bandar Kota Bharu adalah di tengah-tengah bandar, yang

menjadikannya tempat yang popular untuk orang yang lalu lalang.

Sejarah pembinaan rumah tradisional Melayu di Kelantan bermula dengan dua buah rumah tradisional yang dibina berdasarkan cara pedagang dari Siam mengembara melalui Sungai Golok pada masa itu. "Rumah Tiang 12" ialah nama rumah tradisional dengan atap panjang. Rumah Tiang 12 dibina untuk orang kaya dan berkedudukan tinggi. Dindingnya yang rumit mempunyai corak dan ukiran yang menunjukkan identiti dan status pemiliknya.

Kajian ini juga dilakukan bagi mengupas struktur dan fungsi ruang serta makna dan falsafah di sebalik pembinaan rumah Tiang 12. Rumah Tiang 12 mempunyai 12 tiang utama pada rumah Ibu. Tiang-tiang ini terdiri daripada 6 tiang panjang dan 6 tiang serambi. Di baris tengah rumah ibu terdapat tiang panjang dan enam batang serambi. Rumah Tiang 12 akan menggunakan kayu cengal untuk dijadikan sebagai tiang rumah. Rumah Tiang 12 mempunyai ketinggian setinggi 5 atau 6 kaki. Tujuannya adalah bagi pengudaraan dan mengelakkan banjir memasuki rumah. Tiang rumah tradisional ini ditanam sedalam dua kaki di dalam tanah. Bumbung rumah Tiang 12 tersebut, bergenting dan mempunyai dua tibar layar yang dipasang dengan cara yang sangat menarik. Pintu, tingkap dan dinding dipenuhi dengan ukiran yang menarik. Terdapat kerawang yang diukir dengan ukiran tebuk terus di sebelah pintu dan tingkap rumah. Kerawang bukan sahaja digunakan sebagai perhiasan tetapi juga membantu pengaliran udara di dalam rumah. Rumah ini selalunya dimiliki oleh orang kaya dan berpengaruh dalam masyarakat (Shahril Bin Sharif, 1989).

Sebagaimana dinyatakan oleh Shuhana Shamsuddin (2002), jika warisan senibina, sejarah dan budaya dibiarkan tanpa penjagaan, ia akan menyebabkan rumah tradisional ini mengalami kepupusan dan hilang ditelan zaman. Oleh itu, ia menjadi kewajiban bagi masyarakat untuk mengekalkan khazanah negara yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Memandangkan ia adalah salah satu daripada rumah tradisional yang menggunakan konsep Islam dalam seni bina dan susun atur, alangkah ruginya jika aset warisan yang masih wujud itu tidak dijaga. Dengan cara ini, generasi pada masa kini boleh menjadikan ia sebagai satu garis panduan untuk membina bangunan yang mempunyai konsep Nusantara.



Rajah 1.1 Rumah Tradisional Tiang 12 Sri Getam Guri
(Sumber: Google)

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ini adalah pernyataan masalah dan isu yang akan dikaji sepanjang penyelidikan. Ia boleh membantu pengkaji menyelesaikan masalah yang telah ditetapkan. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis dan menyelidik isu ini.

Permasalahan pertama yang diambil kira dalam kajian ini adalah masalah dalam kalangan masyarakat iaitu kurangnya kesedaran masyarakat tentang tempat seni bina tradisional dalam industri pembinaan pada masa kini. Gaya binaan pada masa kini lebih moden dalam industri pembinaan, termasuk di Kelantan. Pengaruh dari luar adalah antara yang mempengaruhi corak struktur seni bina rumah tradisional di Kelantan terutama dari segi kesenian ukiran yang kebanyakannya ditiru dari Siam. Oleh hal yang demikian, corak pembinaan rumah yang berkonsepkan moden pada masa sekarang telah memberi kesan kepada rumah tradisional yang mana semakin dilupakan (Norazman Mohd Yunus, 1991)

Permasalahan seterusnya ialah falsafah dan makna warisan budaya Melayu dalam pembinaan rumah tradisional Melayu tidak difahami oleh generasi muda dan masyarakat Melayu, dan ia semakin terhakis. Warisan budaya dan adat tradisi yang dibawa dari generasi ke generasi dikatakan mempunyai banyak kekayaan dalam masyarakat Melayu (Fairuzah, Farahdina, Mujaini, 2019; Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007). Kearifan masyarakat tempatan dalam pembinaan rumah tradisional kaya dengan nilai estetika dan falsafah yang unik. Oleh itu, ia menjadi warisan kebudayaan yang tinggi nilainya. Oleh itu, adalah penting untuk mengkajinya sebagai teori di sebalik tradisi seni bina rumah Melayu.

Antara isu yang dibincangkan dalam kajian ini juga adalah berkaitan kurang kesedaran generasi Melayu hari ini tentang penjagaan harta warisan dan keengganan mereka untuk menguruskan dan mengekalkan hak milik individu. Hal ini perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat bagi memelihara warisan hak milik seperti Rumah Tradisional Melayu. Perkara ini bagi menimbulkan kesedaran antara pemilik dan generasi kini dalam membudayakan hak milik warisan sedia ada melalui kesinambungan kepada generasi akan datang.

Di samping itu, masyarakat kurang berminat dengan seni bina lama. Hal ini demikian kerana masyarakat terus menganggap bangunan lama perlu diruntuhkan. Ini disebabkan oleh fakta bahawa seni binanya sudah ketinggalan zaman dan tidak relevan berbanding seni bina kontemporari yang jauh lebih moden. Hal ini demikian kerana, masyarakat lebih selesa dengan seni bina moden memandangkan reka bentuk seni bina kian lebih ringkas seperti motif yang terdapat pada dinding bangunan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk mencapai matlamatnya dalam sesebuah kajian dan menjalankan kajian dengan betul. Berikut adalah antara matlamat khusus yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

- i) Mengenal pasti sejarah pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12 yang terdapat di Kota Bharu, Kelantan.
- ii) Mengkaji struktur dan fungsi ruang dalam seni bina Rumah Tradisional Tiang 12.
- iii) Membincangkan makna dan falsafah di sebalik pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan yang menjadi tumpuan kepada kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Antaranya ialah:


- i) Apakah sejarah pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12 yang terdapat di Kota Bharu, Kelantan?
- ii) Apakah struktur dan fungsi ruang dalam seni bina Rumah Tradisional Tiang 12?
- iii) Apakah makna dan falsafah di sebalik pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12?

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada idea-idea yang ditunjukkan dalam pembinaan rumah Melayu-Kelantan tradisional, terutamanya di kawasan sekitar Kota Bharu. Dalam kajian ini akan diterangkan secara terperinci mengenai makna dan falsafah di sebalik pembinaan Rumah Tiang 12 di Kota Bharu, Kelantan. Rumah tradisional Kelantan ialah Rumah Tiang Dua Belas. Ini adalah hasil daripada sejarah dan latar belakang yang berbeza dan panjang negeri itu. Rumah ini mempunyai dua belas batang tiang berdasarkan namanya. Ruang utama mempunyai enam tiang panjang dan enam tiang serambi (Wan Zailani, 2021). Kajian ini akan melibatkan temu bual dengan pelbagai pihak yang menguruskan rumah tradisional Tiang 12 ini, termasuk pemilik rumah dan masyarakat setempat di sekitar kawasan tersebut. Hal ini dilakukan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang rumah tradisional berkenaan. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang kepentingan seni bina rumah tradisional, dengan penekanan khusus pada kawasan Kota Bharu, Kelantan. Lokasi pilihan ialah Rumah Tradisional Tiang 12 di Kota Bharu.

Kajian ini dilakukan adalah mengenai falsafah dan makna di sebalik pembinaan rumah tradisional tiang 12 yang mana berusia melebihi 100 tahun dan menghampiri fasa kepupusan. Oleh hal yang demikian, menjadi tanggungjawab masyarakat setempat untuk memastikan pengekalan warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Sememangnya memberikan kerugian jika tidak memanfaatkan khazanah untuk tujuan pemeliharaan memandangkan ia adalah antara seni bina berkonsepkan Islam dalam susun atur ruangan dan senibina. Hal

ini kerana bagi memberi inspirasi kepada generasi kini dan akan datang untuk memasukkan elemen berkonsepkan rumah tiang 12 dalam pembinaan bangunan rumah tersebut.



Rajah 1.2 Peta lokasi kajian lapangan

(Sumber: Aplikasi *google map*)

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk merungkai persoalan yang timbul dan membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan yang terdapat di dalam kajian ini. Kepentingan kajian penyelidikan ini dapat dilihat daripada beberapa aspek, antaranya:

1.7.1 Pengkaji

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan asal-usul dan sejarah Rumah Tiang 12. Berdasarkan kajian yang dilakukan, ia mungkin memberi manfaat kepada pengkaji yang memilih tajuk kajian ini. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa sepanjang proses menyelesaikan kajian ini, ianya dapat memberikan maklumat tentang rumah tradisional Melayu di Negeri Kelantan lebih mendalam, termasuk Rumah Tiang 12. Dalam kes ini, maklumat yang berkaitan dengan rumah tersebut boleh diperolehi daripada sumber yang betul dan sah tanpa sebarang hasil yang ditokok tambah. Pada masa yang sama, kajian ini memberi ruang kepada pengkaji masa hadapan untuk meneruskan legasi kajian dengan menggunakan skop kajian yang sama dan berasaskan fokus kajian yang tepat dan sah yang telah dilakukan. Sebelum ini kajian ini memainkan peranan penting dalam menambah dan meluaskan ilmu pengetahuan kepada pengkaji. Selain itu, dapat memberikan kefahaman dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai falsafah di sebalik pembinaan rumah tradisional ini.

1.7.2 Masyarakat

Sememangnya masyarakat adalah antara peranan yang penting dalam memastikan rumah tradisional dapat dipelihara dan dipulihara. Melalui kajian ini, pengkaji berpeluang memahami dan mendalami sendiri falsafah dan makna di sebalik pembinaan Rumah Tiang 12 di Kelantan di mana kurang diketahui oleh orang ramai.

Oleh itu, pengkaji akan memastikan penulisan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai seni bina yang terdapat di Malaysia. Selain itu, melalui kajian ini juga, ianya akan memberikan impak yang positif di mana dapat membuka mata dan minda masyarakat akan kepentingan rumah tradisional yang mana menjadi lambang budaya masyarakat setempat.

1.7.3 Institusi

Kajian ini dilakukan adalah relevan dan tidak hanya penting kepada pengkaji malah menjadi kepentingan kepada ramai pihak di institusi-institusi pengajian. Seterusnya, melalui kajian ini juga dapat memberikan pengetahuan yang berguna dan lebih meluas kepada individu-individu yang memerlukannya dalam tugas mereka. Maklumat yang lebih terperinci tentang Rumah Tiang 12 dapat membantu individu yang turut membuat kajian lapangan mengenai Rumah Tiang 12 di Kelantan.

Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi rujukan oleh pihak pentadbiran di pelbagai institusi dan para penyelidik menjalankan kajian mengenai Rumah Tiang 12.

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, matlamat kajian penyelidikan ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada makna dan tujuan pembinaan Rumah Tiang 12 di Kelantan. Pengkaji perlu melalui prosedur yang betul untuk mendapatkan kebenaran dan maklumat tentang keadaan rumah terkini yang dikaji jika mereka ingin mendapatkan maklumat yang betul. Oleh itu, untuk memastikan kajian ini berjaya menjadi tesis, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif yang lebih sesuai. Setiap metodologi telah disesuaikan dengan matlamat yang telah ditetapkan dari awal untuk memastikan kajian berjalan dengan betul dari awal hingga akhir. Menurut Syed Arabi (1998), apabila responden diberi soalan yang jelas, mereka akan lebih mudah untuk memberikan jawapan yang diharapkan.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian sorotan, juga dikenali sebagai kajian literatur, ialah rujukan yang dibuat selepas menilai kajian penyelidikan sebelumnya. Kaedah penyelidikan serta pembacaan artikel dan carian Internet digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian literatur. Tajuk kajian semasa harus dikaitkan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Creswell (2015) menyatakan bahawa kajian literatur mesti termasuk bahan seperti menganalisis, mensintesis, mentafsirkan dan mendeskripsikan kajian perpustakaan tertentu. Selain itu, dalam kajian literatur ini, pernyataan maklumat mesti mengandungi pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian, dan laporan kajian mengenai subjek yang telah dipilih oleh pengkaji untuk dijalankan penyelidikan.

Tujuan kajian literatur ini adalah untuk membezakan kajian yang telah dijalankan daripada kajian yang sepatutnya dijalankan (D.N & Beili.P, 2005). Bahan bercetak seperti artikel, buku ilmiah, jurnal, tesis dan surat khabar biasanya digunakan untuk melakukan kajian literatur. Selain itu, teknik ini boleh digunakan oleh pengkaji melalui carian di laman web.

2.2 KEARIFAN TEMPATAN DALAM SENI BINA RUMAH TRADISIONAL

Seni bina Melayu adalah jenis seni yang memerlukan kepakaran, kreativiti, kerajinan dan pengamatan yang tajam dan terperinci. Menghasilkan karya seni yang bermakna dan berkualiti tinggi memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan minat yang mendalam. Menurut Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiulfuad Yahya (2005), ini dibuktikan oleh fakta bahawa tukang-tukang Melayu zaman dahulu berjaya berada di tahap keunggulan dalam seni bina iaitu pembinaan 176 reka bentuk istana kesultanan Melayu di kawasan ini.

Pemilik rumah Melayu tradisional akan memilih tukang kayu berkemahiran dalam pembinaan rumah tradisional supaya pembinaan rumah mereka mengikut kehendak dan cara yang mereka mahukan. Selain itu, pemilihan jenis kayu juga dipilih oleh pemilik rumah seperti kayu cengal, merbau dan sebagainya. Ciri pemilihan tapak rumah adalah di kawasan tanah yang rata dan menghala ke arah kiblat yang betul dan tempat matahari naik turun (Muhammad, 2003).

Orang Melayu sangat mengutamakan membina rumah sebagai tempat tinggal sehingga akhir hayat mereka. Ini bermula dengan memilih tapak, membina asas, pembinaan bumbung, dinding, tangga, lantai, bukaan, dan hiasan, dan seterusnya sampai masuk ke pintu masuk. Menurut Zulkifli Hanafi (1996), terdapat banyak perkara yang perlu diambil kira semasa mendirikan rumah, seperti memilih lokasi dan menganjurkan upacara keagamaan untuk memakai perhiasan rumah.

Seni bina Melayu mempunyai makna dan falsafah yang unik yang berasal dari kearifan lokal yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Ianya dimulakan dengan peringkat awal pembukaan tanah untuk pembangunan rumah iaitu upacara menentukan tapak. Upacara ini juga melibatkan menjaga kampung dan menjaga laut, serta menentukan bentuk dan susunan bangunan dalam dan luar.

2.3 PEMBUDAYAAN NILAI ISLAM DALAM REKA BENTUK RUMAH TRADISIONAL

Menurut Mohamed Hamzah (2014), rumah Melayu tradisional banyak menggunakan falsafah seni bina Islam apabila membina rumah. Kebanyakan rumah ini menunjukkan konsep kekuasaan Tuhan. Oleh kerana bahagian bawah rumah Melayu biasanya terdiri daripada tanah, ianya melambangkan alam selepas kematian atau dikenali alam barzakh. Oleh itu, ia menggambarkan kembalinya roh seseorang kepada bumi apabila mereka meninggal dunia. Kemudian, bahagian tengah biasanya terdapat ruang tamu dan ruang urusan harian yang mana menjadi simbolik menggambarkan idea tentang cara hidup masyarakat di dunia (Muhammad Hamzah, 2014).

Dengan mengorientasikan kedudukan rumah ke arah timur-barat, konsep Islam digunakan dalam reka bentuk. Salah satu identiti Melayu yang sangat mengutamakan elemen keagamaan ialah reka bentuk yang mana membolehkan penghuni rumah dapat mengerjakan solat mengikut arah kiblat. Hal ini dapat memberi pemahaman kepada mereka bahawa Allah SWT memberikan ganjaran untuk semua perkara baik (Mohd. Nazaruddin Yusoff et al., 2004). Selain itu,

pembinaan orientasi kedudukan menghala ke arah kiblat mendapat keistimewaannya tersendiri. Salah satunya ialah membolehkan cahaya matahari terus memasuki rumah, terutamanya pada waktu pagi. Dipercayai bahawa cahaya pagi membantu tubuh manusia. Oleh itu, banyak faedah akan diperoleh jika orientasi kedudukan rumah adalah timur-barat.

Garis panduan Islam membentuk kebanyakan susun atur ruangan rumah. Disebabkan ini, idea pembahagian digunakan dalam perhubungan sosial yang berlainan jantina lelaki dan perempuan. Hal ini disebabkan oleh larangan yang ditetapkan oleh agama Islam iaitu larangan kedudukan bercampur bebas lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya. Menurut Mokhtar Ismail (1992), ia boleh dikaitkan dengan aktiviti yang berlaku di dalam ruang tersebut. Konsep ruangan telah digunakan secara tidak langsung untuk memenuhi idea pembahagian ruang yang biasa digunakan dalam ruang rumah Melayu tradisional.

2.4 PENGARUH ISLAM DALAM SENI BINA

Dengan kedatangan agama Islam, cara kita berfikir telah berubah, dan konsep seni bina juga telah berubah; konsep yang dahulunya berkaitan dengan dewa telah ditukar kepada idea yang lebih sesuai dengan agama Islam. Selain itu, seni bina ini dibahagikan kepada dua kategori spiritual, yang mengisi ruang dengan cara yang sepadan dengan ibadah Islam. Keselesaan orang yang tinggal di dalam dan di luar bangunan dinilai melalui hiasan dalaman dan luaran, seperti dinding, bumbung dan tingkap.

Abdullah Jusuf (1990) menyatakan bahawa Islam berjaya mewujudkan identiti lain dalam seni bina rumah tradisional. Namun begitu, masih ada lagi warisan tradisi pengaruh Hindu-Buddha sehingga hari ini. Menurut Muhammad Afandi Yahya (1995), walaupun masyarakat Melayu mempunyai pegangan yang kukuh terhadap agama Islam, masih terdapat hubungan dengan warisan budaya terdahulu.

Budaya orang Melayu telah diubah oleh kemajuan zaman, modenisasi, dan revolusi dalam pelbagai bidang. Dengan fenomena ini, bakat dan kemahiran orang dahulu, seperti merancang ruang mengikut gaya hidup Islam, semakin dilupakan. Oleh itu, jelas bahawa identiti Islam adalah identiti kemelayuan, yang termasuk masyarakat Kelantan, yang nampaknya mengutamakan kesenian sebagai cara untuk berfikir, menghayati dan mengungkapkan estetika. Menurut Mohamed Anwar (1997), rumah-rumah di Kelantan mempunyai ciri-ciri yang membezakannya daripada rumah-rumah orang bukan Melayu kerana ia mengandungi elemen yang tidak boleh dipisahkan daripada asas keislaman.

Masjid, surau dan madrasah, yang saling berkaitan dari segi fungsi keagamaan, telah dibina menggunakan seni bina Islam. Antara seni bina Islam yang digunakan pada masjid, surau dan madrasah ialah seni bina vernakular, seni bina kolonial dan seni bina moden yang dipengaruhi oleh penggunaan struktur utama dalam pembinaan. Sebagai contoh, bangunan Masjid Kapitan Keling di Georgetown mempunyai kesan daripada gaya seni bina kolonial. Gaya kolonial ini menggabungkan elemen daripada seni bina Moghul India dan klasikal dalam reka bentuk tingkap, kubah, mihrab dan pintu gerbang yang berlekuk-lekuk. Selain

itu, pembinaan madrasah menggunakan gabungan gaya seni bina tradisional Melayu, kolonial, dan Moghul India. Menurut Ghafar Ahmad (2003), madrasah ini dibina dengan menggunakan bahan seperti kayu, batu-bata, konkrit, marmar dan bumbung genting untuk mengukuhkan struktur bangunan.

2.5 SENI BINA MELAYU MODEN

Salah satu faktor penjajahan yang telah menyumbang kepada pelbagai corak seni bina di Malaysia ialah kedatangan seni bina Melayu moden. Salah satunya adalah fakta bahawa orang Cina datang ke Tanah Melayu dan menghasilkan gaya seni bina yang berbeza, termasuk penggunaan elemen "countyrd" di tengah-tengah rumah. Tambahan pula, kedatangan orang Cina telah mengubah reka bentuk tangga rumah Melayu. Kemudian, kedatangan British membawa gaya seni bina Neo Klasikal, yang telah digunakan pada bangunan awam di bandar utama Tanah Melayu. Boleh dilihat bahawa seni bina Malaysia telah berubah seiring dengan pemodenan dan sosiobudaya tempatan. (Azmal Sabil & Smarni Ismail).

Razzak, Rashidah Dawood, dan Nur Fakhira Ismail (2014) menyatakan bahawa, sepanjang sejarah seni bina Tanah Melayu, ia telah mengalami evolusi yang kaya dengan ciri-ciri ketimuran dan kebaratan yang telah ditanam sejak sekian lama. Apabila seni bina vernakular berakhir, seni bina yang mempunyai ciri-ciri Barat muncul apabila kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris mula meneroka Tanah Melayu pada zaman penjajah. Selepas kedatangan mereka, gaya seni bina yang telah berkembang dari generasi ke generasi menjadi identiti

seni bina yang dikenali sebagai "Straits Electic Style."

Menurut A. Abu Bakar et al (2013), bangunan moden direka bentuk supaya ia memenuhi fungsinya dan tidak mengambil kira terlalu banyak aspek. Ia juga sering menjadi ikutan dalam dunia hari ini yang lebih mementingkan konsistensi dan kemasyhuran. Ini menunjukkan bahawa pembinaan tradisional berlainan dengan pembinaan yang lebih moden. Elemen yang diketengahkan dalam pembinaan tradisional adalah ukiran, pembahagian ruang dan elemen lain.

Mohd Tajuddin Mohd. Rasdi (tahun), dalam bukunya "Warisan Seni bina Kolonial Malaysia," menyatakan penjajah barat terutamanya British, telah mencipta seni rupa bandar dengan menggabungkan warisan tropika tradisional dan keindahan perkadaran klasikal dengan budaya setempat. Penjajah British juga mencipta banyak bangunan unik beriklim tropika dengan menggabungkan gaya seni bina klasik Eropah dengan elemen vernakular Melayu. Misalnya, bangunan daripada batu yang dibina dengan tingkap "clerestory" dan "jack proof" telah menjadi tegap, kalis api, dan tahan terhadap haba.

2.6 PENYUSUNAN DAN FUNGSI RUANG RUMAH TRADISIONAL

Menurut Abdul Halim dan Wan Hashim (1996), identiti Islam dalam seni bina rumah tradisional Melayu Kelantan boleh dilihat dalam penyusunan ruang yang menggunakan pemikiran Islam, yang mengubah nilai estetika dan ideologi yang digunakan dalam pembinaan. Banyak disesuaikan mengikut garis panduan Islam dalam susunan ruang dan komponen struktur rumah. Struktur rumah yang mengekalkan identiti seni bina Melayu-Islam sejak zaman nenek moyang mereka

mempunyai kesan ke atas cara hidup orang Melayu.

Susun atur ruang adalah penting dalam rumah Melayu tradisional. Sahabuddin (2016) menyatakan bahawa susun atur ruang adalah berdasarkan susun atur yang diterjemahkan oleh sosiobudaya masyarakat Melayu. Ini ditunjukkan oleh seni susun atur ruang, di mana serambi diletakkan di hadapan sebagai ruang umum untuk menyambut tetamu, dan rumah ibu diletakkan di belakang sebagai tempat utama untuk keraian dan keluarga, memenuhi keperluan budaya masyarakat Melayu.

Dalam negeri Kelantan, susunan ruang rumah tradisional mempunyai gaya yang unik. Pengaruh Islam boleh dilihat dalam susun atur ruang rumah Melayu Kelantan tradisional. Rumah tradisional Kelantan disusun mengikut jantina, akibat daripada pengaruh agama Islam. Ruang ibu dan serambi digunakan terutamanya oleh lelaki, manakala ruang dapur digunakan terutamanya oleh wanita (Ahmad Dinie Idham, 2021).

Penyusunan ruang dalam rumah Melayu menyatakan makna berdasarkan taraf pencapaian ekonomi individu, yang berkaitan dengan individu dalam keluarga, keluarga dengan masyarakat, dan individu itu sendiri. Oleh itu, terdapat ruang untuk hubungan keluarga dan peribadi dengan masyarakat. Setiap rumah mesti mempunyai tiga ruang utama—ruang untuk keluarga, tetamu dan menyediakan makanan. Sesetengah orang mengkategorikan ruang kepada tiga kategori: formal, aktif dan pasif (Mohd Yusof Abdullah, 2012). Serambi, selasar, dan dapur adalah contoh ruang formal di mana tuan rumah menerima tetamu. Rumah ibu mempunyai ruang pasif, yang terletak di antara ruang formal dan aktif.

Aktiviti harian keluarga dijalankan di ruang belakang di mana dikenali sebagai ruang aktif. (A. Rahim, 1981).

2.7 ASAL USUL SENI BINA RUMAH MELAYU

Sesetengah berpendapat bahawa penempatan Melayu pada awal abad ke-1 menandakan permulaan kesan seni bina Melayu. Artifak yang mengandungi elemen Hindu-Buddha menunjukkan bahawa orang Kedah Tua mempunyai kepandaian membina bangunan. Keupayaan memotong batu yang keras seperti batu granit menunjukkan teknologi binaan yang semakin maju (Wadiassofi Jaafar, 2000).

Rumah tradisional Negeri Kelantan merupakan rumah yang dikenali sebagai rumah Melayu Islam. Rumah-rumah tradisional di Negeri Kelantan dipengaruhi oleh agama Islam, seperti yang ditunjukkan oleh beberapa ukiran berdasarkan ayat Al-Quran dan susun atur ruang yang dibahagikan kepada kawasan untuk lelaki dan wanita. Sejarah rumah tradisi Melayu Kelantan dikatakan bermula sebelum tahun 1800-an. Rumah Tiang Dua Belas, Rumah Bujang Selasar, Rumah Bujang dan Rumah Rakyat adalah jenis rumah yang wujud pada masa itu. Rumah Jenis Perabung Lima muncul pada pertengahan abad ke-19. Kepercayaan, adat resam dan peraturan yang dipegang oleh rumah tradisional Kelantan ini.

Seperti yang dinyatakan oleh Siti Norlizaiha Harun dalam artikelnya yang bertajuk "Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Seni Bina Di Malaysia," yang diterbitkan pada tahun 2005, kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah

mempunyai kesan yang ketara ke atas corak budaya hidup masyarakat pada masa itu, termasuk cara bangunan dibina. Menggunakan teknologi binaan yang ringkas dan mudah menggunakan bahan-bahan alam semula jadi yang diperolehi dari hutan seperti bertam, rumbia, ijuk dan daun nipah untuk atap atau bumbung adalah tanda seni bina rumah Melayu. Pengaruh negeri-negeri Melayu dan Nusantara seperti Indonesia dan Thailand membentuk gaya seni bina rumah Melayu, yang mempunyai pelbagai jenis hias atau motif ukiran dan bentuk binaan.

Bangunan rasmi kerajaan seperti pejabat dan institusi dibina dalam reka bentuk dan gaya binaan Inggeris kerana kesan seni bina Inggeris juga besar. Pengaruh Inggeris semasa penjajahan Inggeris telah mempengaruhi reka bentuk pembinaan istana raja-raja Melayu dan masjid. Masjid-masjid yang menggunakan konkrit dengan bumbung lima mula dibina adalah perkara yang paling menonjol. Pada tahun 1808 Masihi, Masjid Melayu Lebuh Acheh di Pulau Pinang adalah salah satu masjid yang mempunyai bumbung perabung lima (Othman Mohd Yatim & Abdul Halim Nasir, 2000).

Bangunan di Terengganu dan Kelantan mempunyai bentuk bumbung yang panjang yang dikatakan berasal dari Pattani dan dikenali sebagai bangunan berpeleh. Malaysia mempunyai pelbagai reka bentuk rumah Melayu tradisional. Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh (1997) menyatakan bahawa bentuk rumah tradisional di setiap negeri Malaysia adalah unik dan dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh dan budaya masyarakat setempat. Setiap binaan mempunyai nilai dan falsafah yang unik yang berkaitan dengan cara hidup masyarakatnya.

2.8 KERANGKA TEORI

Dalam konteks penyelidikan, struktur yang menyokong atau berfungsi sebagai pemegang teori kajian dikenali sebagai kerangka teori. Sebenarnya, kerangka teori ini berfungsi untuk memberikan penerangan dan penjelasan tentang isu kajian yang sedang dikaji. Ia adalah kajian yang dilakukan untuk memastikan kajian ini berjalan lancar mengikut kerangka teori ini. Menurut Frey et al (1991), teori ialah generalisasi terhadap sesuatu peristiwa yang menerangkan bagaimana dan mengapa ia berlaku.

Teori semiotik, yang dibangunkan oleh Charles Sanders Peirce dari 1839 hingga 1914, telah dipilih untuk kajian ini. C.S. Peirce mengemukakan segitiga yang terdiri daripada makna (tanda), objek dan interpretasi. Tanda, menurut Mana Sikana (2016), merujuk kepada sesuatu di luar tanda itu sendiri dan yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia. Pandangan CS Peirce terdiri daripada simbol dan ikon. walaupun tanda ini ditunjukkan sebagai objek. Objektif atau tanda berfungsi sebagai referensi kepada tanda atau sesuatu yang dirujuk oleh tanda. Tanda memberi makna tertentu kepada pemikiran seseorang dalam interpretasi. Bagaimana tanda digunakan dalam komunikasi menghasilkan makna adalah aspek penting proses semiosis.

Untuk memastikan kajian tidak tersasar ke arah lain, penggunaan teori adalah penting. Teori ini lebih sesuai untuk digunakan sebagai panduan semasa menjalankan kajian. Simbol yang digunakan dalam reka bentuk rumah tradisional Rumah Tiang 12 di Kota Bharu, Kelantan dilihat melalui teori semiotik. Kajian ini melihat simbol dalam reka bentuk rumah menggunakan teori semiotik yang

dibangunkan oleh CS Pierce. Simbol yang berkaitan dengan reka bentuk dalam seni bina rumah diutamakan dalam teori ini.

Teori semiotik yang berpendapat bahawa keindahan dan keunikan hanya boleh diungkap melalui pancaindera manusia. Teori umum untuk melihat tanda, simbol, gambar dan angka termasuk dalam teori semiotik. Selain itu, teori semiotik Pierce ini menekankan falsafah tanda, klasifikasi, signifikasi, erti, dan fungsinya. Identiti reka bentuk, yang merupakan kearifan masyarakat tempatan pada masa itu, dikaji secara menyeluruh. Rumah Tiang 12 adalah konteks yang dikaji dalam penyelidikan ini. Ini dikatakan kerana pengkaji boleh menyentuh dan merasakan Rumah Tiang 12. Dalam reka bentuk Rumah Tiang 12, ukiran, motif dan ruang adalah simbol. Struktur Rumah Tiang 12 menggunakan ketiga-tiga simbol ini.

Pentafsiran dan pemikiran reka bentuk rumah tradisional ini adalah konteks yang terakhir, yang merupakan komponen yang paling penting dalam kerangka konsep ini. Pemilihan simbol dalam reka bentuk Rumah Tiang 12 dipengaruhi sebahagian besarnya oleh identiti idea asal yang berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu, identiti reka bentuk Rumah Tiang 12 yang tradisional menunjukkan keindahan dan keunikan.

2.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, untuk meneruskan bab kajian yang seterusnya, salah satu kaedah dokumentasi ialah menggunakan sorotan kajian. Tujuan sorotan kajian adalah untuk membolehkan pengkaji membina prosedur kajian yang boleh digunakan untuk mengumpul maklumat dan menghadkan skop isu yang dikaji.

Selain itu, sorotan kajian boleh menjadi sumber untuk pengkaji untuk membuat analisis dan belajar tentang tajuk yang ingin dirungkai melalui penyelidikan literatur. Kajian ini akan mendedahkan asal-usul bangunan yang mengambil inspirasi daripada idea Nusantara, yang merujuk kepada pengaruh budaya pedagang dari luar Tanah Melayu.

Selain itu, apabila sorotan kajian dikemukakan, pengkaji akan mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang skop kajian, metodologi yang akan digunakan, dan hasil kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Fokus kajian adalah untuk mendapatkan maklumat tentang isu yang ingin diselesaikan. Ini disebabkan oleh fakta bahawa fokus kajian ini membolehkan penyelidik menentukan sama ada persoalan yang akan dikaji sebelum ini telah dikaji oleh penyelidik lain atau mengembangkan pemahaman penyelidik tentang isu yang akan ditemui sepanjang kajian.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Setiap kajian atau penyelidikan yang dilaksanakan memerlukan kaedah atau metod bagi mendapatkan data atau dapatan kajian. Dengan memperoleh data yang mencukupi, sesuatu kajian itu dapat dijalankan dengan baik. Untuk mendapatkan data yang baik ini, kaedah penyelidikan kajian tersebut haruslah sempurna dan mengikut prosedurnya yang tersendiri. Hal ini kerana ia dapat menjamin dapatan kajian yang terhasil benar-benar terjamin nilainya. Seseorang penyelidik perlu memastikan metod ataupun kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data sesuai dengan jenis penyelidikan yang dijalankan.

Ahmad Mazhab Ayob (1985) menyatakan bahawa metodologi kajian ialah proses untuk mencapai objektif kajian. Sebarang kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk penyelidikan dikenali sebagai metodologi kajian. Proses penting dalam menghasilkan kajian yang relevan dan ilmiah ialah metodologi kajian. Metodologi kajian juga merupakan kaedah atau teknik mengumpul dan menganalisis data yang diperoleh supaya dapat menghasilkan bukti yang dapat menyokong sesuatu kajian.

Metodologi kajian dilakukan adalah bertujuan untuk membantu memahami dengan lebih luas dan lebih terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Penggunaan kaedah metodologi kajian untuk mendapatkan data dalam menjalankan kajian membolehkan kajian dijalankan dengan lebih sistematik dan teratur untuk mencapai matlamatnya. Pengkaji akan menerangkan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data untuk memastikan matlamat dicapai dalam bab ini.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian kualitatif dianggap sebagai reka bentuk kajian baharu. Wolcot (2009) menyatakan bahawa walaupun istilah "kajian kualitatif" tidak biasa pada awal tahun 2000, Robson (2011) menyatakan bahawa pada tahun 1990-an, kajian yang menggunakan kaedah kualitatif mula mendapat tempat dan disukai oleh pengkaji. Kajian kualitatif dianggap sebagai reka bentuk yang tidak stabil kerana ia tidak menetapkan objektif dan kaedah kajian pada peringkat awal (Trochim, 2006). Selain itu, Robson menyatakan bahawa seiring dengan kemajuan kajian, reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan "terbuka". Kajian kualitatif ialah apabila ia berkaitan dengan persoalan atau pernyataan dan bukannya hipotesis. Persoalan seperti apa, bagaimana dan mengapa biasanya digunakan dalam kajian kualitatif.

Reka bentuk kajian ialah corak yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai soalan. Ini juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencapai matlamat kajian. Untuk memastikan data yang dikumpul adalah sah, pengkaji telah menggunakan sumber primer dan sumber kaedah sebagai kaedah pengumpulan data. Data yang diperoleh daripada tinjauan yang dijalankan oleh pengkaji merupakan sumber primer manakala sumber sekunder terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan karya para sejarawan (Zahari Rusdi, 2009).

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan mengumpul data dan maklumat melalui pelbagai proses. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif pada mulanya. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari maklumat berkaitan tajuk kajian semasa menjalankan penyelidikan ini. Untuk menjadikan maklumat kajian lebih mudah dan teratur, kaedah yang digunakan boleh membantu. Pengkaji akan meneliti penyelidikan terdahulu sebelum menjawab persoalan kajian ini. Tujuan kajian adalah untuk mendapatkan maklumat yang boleh digunakan.

3.3.1 Data Primer

Kajian data primer menggunakan pemerhatian, temu bual dan kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat.

i) Kajian Lapangan

Kajian lapangan merujuk kepada lokasi fenomena yang dikaji dan menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir mengikut objektif kajian (Asmah Hj Omar, 2002 & N Ibrahim, 2009). Pengkaji menjalankan kajian ini untuk memperolehi maklumat tentang susun atur rumah Melayu tradisional di Kelantan. Pemilihan kawasan kajian ini sangat penting agar maklumat diperoleh bersesuaian dengan objektif yang dinyatakan. Kajian ini tertumpu di kawasan Rumah Tiang Dua Belas di Kota Bharu, Kelantan.

ii) Temu bual

Kaedah temu bual adalah merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji mendapatkan maklumat menggunakan kaedah temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat berjumpa secara bersemuka dengan responden untuk diajukan beberapa soalan. Hal ini sekaligus dapat memastikan maklumat yang diperolehi adalah sahih dan tidak berlakunya kesalahfahaman sekiranya temu bual dijalankan melalui platform yang berbeza. Pengkaji telah menetapkan matlamat dalam temu bual.

Seterusnya, pemilihan responden adalah terdiri daripada lima individu yang boleh dipercayai seperti pihak berkuasa, pemilik rumah dan penduduk setempat. Semasa menjalankan temu bual, pengkaji mesti memastikan telah mendapat keizinan dan persetujuan daripada responden untuk menjalankan temu bual mengenai subjek yang telah dipilih. Seterusnya, penggunaan bahasa oleh pengkaji yang sesuai dengan umur responden dan mengajukan soalan yang mudah difahami.

Mengumpul maklumat tentang sejarah pembinaan rumah, makna dan falsafah seni bina rumah, struktur dan fungsi ruang dalam seni bina rumah tradisional ini adalah merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam temu bual.

Kaedah temu bual ini akan membolehkan pengkaji memerhati dan menganalisis maklumat yang diperolehi semasa proses. Oleh itu, pengkaji akan menemu bual orang yang arif mengenai Rumah Tiang 12 Kelantan, rumah Melayu tradisional. Seterusnya, untuk digunakan sebagai rujukan dalam penulisan projek penyelidikan yang dijalankan, pengkaji akan mengambil gambar, rakaman dan catatan sepanjang temu bual.

iii) Pemerhatian

Dalam pelaksanaan kajian lapangan, pengkaji perlu melakukan lawatan ke atas lokasi kajian bagi tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji sewaktu peringkat awal. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan melawat lokasi bagi Rumah Tiang 12 yang terdapat di Kelantan. Melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan, pengkaji akan memfokuskan kepada perincian lokasi seperti keadaan tempat, keterangan responden serta proses kerja yang dijalankan. Pengkaji akan melawat lokasi kajian untuk melihat rumah tradisional yang mewakili ciri-ciri Nusantara. Kemudian, penyelidik akan melihat ciri reka bentuk rumah yang menunjukkan sejarah pertumbuhan negara. Pengkaji akan memilih untuk memfokuskan pada aspek fizikal rumah, seperti bentuk bumbung dan dinding serta struktur pembahagian ruang, kerana rumah ini agak berbeza dengan rumah tradisional Melayu yang lain seperti di Terengganu. Untuk dimasukkan ke dalam laporan projek penyelidikan,

pengkaji seterusnya akan menggunakan kaedah ini untuk merekodkan data melalui catatan, gambar dan rakaman.

3.3.2 Data Sekunder

Menurut Ramzan Johari, data sekunder merupakan secara tidak langsung memperolehi maklumat daripada bahan ilmiah atau daripada penulis lain yang terlibat dalam kajian. Antara contoh sumber maklumat adalah jurnal, buku rujukan, akhbar majalah, artikel, dan carian melalui internet yang digunakan dalam kajian.

i) Kepustakaan

Kajian kepustakaan adalah merujuk kepada senarai sumber dan bahan rujukan yang diperolehi, serta teknik untuk mencari maklumat melalui semua aspek yang berkaitan dengan buku, surat khabar, jurnal, artikel, buku rujukan dan sebagainya. Rujukan juga akan dilakukan terhadap kajian-kajian lepas agar dapat memperoleh maklumat tambahan. Kaedah ini juga membantu dalam memperoleh deskripsi awal berkaitan dengan tajuk kajian.


ii) Sumber Internet

Selain rujukan yang dilakukan berdasarkan sumber bahan ilmiah, pengkaji juga menggunakan sumber rujukan dalam internet bagi mendapatkan lebih banyak maklumat. Sumber rujukan yang digunakan ini dapat membantu pengkaji untuk melengkapkan kajian dengan baik. Kesemua sumber rujukan dan data yang didapati daripada kaedah ini akan dianalisis dan dimasukkan ke dalam laporan kajian kelak.

3.4 KAEDAH ANALISIS DATA

Merriam (1998) menyatakan bahawa dalam kajian kualitatif, kedua-dua pengumpulan data dan penganalisan dijalankan pada masa yang sama. Analisis bermula dengan temu bual, pemerhatian dan pembacaan dokumen awal. Apabila data pertama diperoleh, proses menganalisis data bermula. Sepanjang kajian, data dianalisis secara berterusan. Merriam (1998) turut menyatakan bahawa selepas pengumpulan data, pengurusan dan penapisan data adalah penting.

Taylor (1975) menyatakan bahawa kaedah menganalisis data ialah proses yang menggambarkan usaha formal untuk mencari tema dan merumuskan hipotesis, serta usaha untuk menyediakan tema dan bantuan untuk hipotesis. Carta aliran proses analisis data berikut ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data.



Rajah 3.1 Carta Aliran Proses Analisis Data

Pengkaji akan menggunakan analisis tematik dalam proses menganalisis data. Analisis tematik adalah kaedah analisis data yang bertujuan untuk mencari pola atau tema dalam data yang telah dikumpul (Braun & Clarke, 2006). Pengkaji akan menilai data bermula dengan proses transkripsi. Proses menukar bunyi kepada teks dipanggil transkripsi data. Setelah itu, pengkaji akan membaca semula data untuk memastikan ia sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, pembacaan semula dilakukan untuk membolehkan pengkaji menentukan tema kajian. Seterusnya, penyelidik akan membuat triangulasi data dengan memilih subkumpulan dan memberi kod kepada setiap kumpulan. Akhir sekali, penyelidik akan menyemak semula data daripada responden untuk memastikan ia betul. Kemudian, data ini akan dimasukkan ke dalam keputusan kajian. Apabila data kualitatif mereka diperiksa dengan teliti, analisis tematik sangat berkesan untuk mencari kaitan pola dalam fenomena dan menjelaskan tahap kejadian fenomena melalui pemerhatian pengkaji (Fereday & Muir-Cochrane, 2006).

3.5 ALAT BANTU KAJIAN

Alat bantu kajian merupakan salah satu alat yang digunakan semasa kajian dijalankan oleh pengkaji. Alat bantu kajian digunakan sebagai asas untuk memperolehi data dan maklumat yang diperlukan untuk mencapai matlamat kajian. Alat bantu kajian ini digunakan untuk membantu pengkaji memperolehi data kajian sekaligus memastikan kajian ini berjaya.

Cara yang paling berkesan ialah menggunakan alat rakaman suara telefon pintar untuk merakam semua percakapan dan maklumat yang diucapkan oleh responden. Hasil kajian akan dapat mentafsir dan menyimpan semua maklumat ini dalam bentuk perkataan. Alat ini amat diperlukan dan dianggap sebagai salah satu alat kajian terpenting untuk mengelakkan kehilangan maklumat yang boleh menjejaskan maklumat yang telah dikumpul oleh pengkaji. Selain itu, alat bantu telefon pintar berfungsi sebagai alat untuk mengambil gambar rumah tradisional serta merakam video semasa menemu bual responden untuk mendapatkan maklumat dengan lebih meluas.

3.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, objektif kajian dapat dicapai dengan penggunaan kaedah kajian yang mana dapat membantu pengkaji dalam menyimpulkan kajian. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan memperolehi pelbagai maklumat yang dapat digunakan dalam memastikan kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Memandangkan keputusan kajian datang daripada sumber yang tidak dapat disangkal, pengkaji boleh memastikan bahawa maklumat yang mereka perolehi adalah betul. Oleh itu, laporan yang dibuat oleh pengkaji akan lebih baik.

Oleh itu, pengkaji boleh mendapatkan pelbagai maklumat ilmiah yang berguna untuk menyelesaikan kajian mereka. Kajian yang dijalankan tidak akan sempurna sekiranya tiada sumber maklumat hasil daripada metodologi yang dijalankan, Ini disebabkan oleh fakta bahawa ia tidak mempunyai kesahihan, yang boleh menjejaskan keputusan kajian. Dalam pada itu, pengkaji telah menyediakan semua alatan yang digunakan dalam kajian supaya ia tidak mengganggu penyelidikan sehingga proses dokumentasi terakhir selesai.

Kaedah kajian yang digunakan perlulah secara teratur dan tersusun mengikut prosedur untuk memperoleh data kajian yang tepat dan berguna sepanjang proses kajian. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa menggunakan metodologi kajian yang betul semasa menjalankan kajian adalah penting. Ini adalah untuk memudahkan rumusan keputusan kajian serta penjelasan terperinci mereka, yang telah dibahagikan kepada setiap bab.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bahagian ini, pengkaji merungkai dan menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan kepada tajuk yang telah dipilih serta objektif kajian. Pentingnya bab dapatan kajian ini adalah kerana setiap permasalahan kajian dan objektif kajian akan diselesaikan melalui projek penyelidikan dalam bab sebelumnya. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang dipilih oleh pengkaji. Objektif yang pertama mengenal pasti sejarah pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12 yang terdapat di Kota Bharu, Kelantan. Dalam mencapai objektif kajian ini, temubual antara pengkaji dan pemilik rumah tradisional Tiang 12 mengenai sejarah pembinaan rumah ini dapat diketahui dengan lebih terperinci. Objektif kajian kedua adalah untuk mengkaji struktur dan fungsi ruang dalam seni bina Rumah Tradisional Tiang 12. Pelbagai asimilasi seni bina telah mendorong pengkaji untuk mengkajinya dengan lebih terperinci dengan melihat fasad-fasad bangunan yang masih kukuh dan jelas dilihat. Bagi objektif yang ketiga, pengkaji akan membincangkan makna dan falsafah di sebalik pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12.

Pengkaji telah melakukan kajian di Rumah Melayu Kelantan Tiang 12 Sri Getam Guri yang berada di Kota Bharu iaitu dengan menemubual beberapa orang responden di sekitar lokasi berkenaan dan juga individu yang mempunyai kepakaran tentang seni bina rumah tradisional dan boleh menjelaskan latar belakang Rumah Tradisional Tiang 12 iaitu pemilik rumah. Kaedah temubual ini membantu pengkaji untuk memperolehi maklumat yang ingin diketahui secara terperinci. Melalui temubual yang dijalankan, jelas dapat dinyatakan bahawa sejarah kewujudan rumah Tradisional Tiang 12 adalah unik dan struktur seni bina yang masih utuh sebagai aset warisan seharusnya diangkat dan dimartabatkan supaya boleh menjadi salah satu produk pelancongan yang ada di Kelantan.

4.2 ANALISIS DEMOGRAFI RESPONDEN

Responden merupakan pihak-pihak yang dijadikan sebagai sampel dalam proses sesuatu penelitian terhadap kajian yang dijalankan. Mereka berperanan penting dalam memberikan maklumat serta menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 menunjukkan pecahan nama, kod responden dan huraian bagi setiap kod responden yang ditemu bual oleh pengkaji.

Bil.	Nama Responden	Kod Responden	Huraian
1.	Encik Johan Ariff bin Ismail	R1-PRT12SGG	Pemilik Rumah Tiang 12 Sri Getam Guri
2.	Puan Rosnawati Othman	R2-PANR	Pemilik Akademi Nik Rasyidin
3.	Hayati binti Johari	R3-RPK	Responden Penduduk Kampung
4.	Bustamam bin Teh	R4-RPK	Responden Penduduk Kampung
5.	Mohd Asuha bin Azmi	R5-RPK	Responden Penduduk Kampung
6.	Rohani binti Hussen	R6-RPK	Responden Penduduk Kampung

Jadual 4.1 Senarai Nama Responden Yang Ditemubual Pengkaji

(Sumber: Kajian Lapangan, 2023)

4.3 SEJARAH RUMAH TRADISIONAL TIANG 12

Negeri Kelantan mempunyai sejarah yang panjang sejak zaman purba. Dengan latar belakang sejarah yang panjang ini telah membentuk seni bina rumah Kelantan mempunyai bentuk rumah yang unik dan ciri khas tersendiri. Ini disebabkan oleh fakta bahawa Kelantan adalah salah satu negeri yang paling kaya dengan peninggalan sejarah, termasuk Rumah Tiang 12. Terdapat 2 jenis rumah tradisional masyarakat Kelantan iaitu Rumah Bujang dan Rumah Tiang 12. Kedua-dua jenis ini sebenarnya hampir sama ciri binaannya. Rumah Bujang adalah rumah kebiasaan masyarakat yang tinggal di Kota Bharu terutama di kawasan yang berhampiran Terengganu. Manakala Rumah Tiang 12 hanya terdapat di beberapa kampung dan Bandar Kota Bharu. Kebanyakan rumah tradisional ini masih wujud hingga hari ini, tetapi kerana faktor usianya yang melebihi seratus tahun, ia sukar untuk dicari dan dijaga.

“Rumah tradisional ini masih ada, namun sudah semakin sukar untuk mencarinya dan rata-ratanya rumah ini berusia lebih dari 100 tahun.”

(Temubual, R4-RPK)

Rumah Tiang 12 mewakili Negeri Kelantan dan berkait rapat dengan rumah bangsawan dan pemerintah abad ke-19. Hal ini demikian kerana pemilik rumah Tiang 12 adalah orang-orang kaya dan ukiran rumit pada dinding menunjukkan status tinggi pemilik rumah. Setiap rumah mempunyai tebar layar dengan corak binaan yang berlainan yang membezakannya dengan rumah yang lain. Manakala bagi membezakan rumah Tiang 12 dengan rumah lain adalah dengan

melihat bahagian pemeleh. Menurut Fachri Muhammad, (2016), sepasang papan pada hujung kedua-dua bahagian atas tebar layar dikenali sebagai pemeleh. Rumah Tiang 12 mempunyai ukiran yang unik yang dipanggil "Pemeleh Kelewang" kerana bentuknya yang berbentuk "V" terbalik. Selain itu, ia juga sering dibandingkan dengan 'LamAlif' terlungkup.



Rajah 4.1 Bentuk bumbung rumah Tiang 12

(Sumber: <https://fachrimuhammadabror.wordpress.com/2016/11/09/rumah-kelantan-malaysia/>)

“Rekabentuk rumah tradisional digambarkan sebagai seorang manusia yang mana mempunyai anggota-anggota seperti kepala, tengkuk, dada, lengan, tangan, perut, betis dan kaki. Sebagai contoh, di bahagian dada merujuk kepada bahagian antara dua sisi pemeleh itu yang digelar ‘tebar layar’ manakala di bahagian lengan atau tangan merujuk kepada kedua-dua sisi yang digelar sebagai ‘pemeleh’.”

(Temubual, R1-PRT12SGG)

“Rumah Tiang 12 ini dikenali sebagai Rumah Bujang Tiang 12 atau Rumah Pemeleh. Keistimewaan yang ada pada rumah tradisional ini adalah pada rekabentuk rumah yang mempunyai pemeleh di ruang atas dan di dindingnya berbentuk ‘A’ dipanggil sebagai pemeleh tebar layar. “

(Temubual, R2-PANR)

Rumah Tiang 12 ditakrifkan kerana mempunyai 12 tiang kayu yang tidak dipotong dan strukturnya dipasang dalam tanah sehingga ke puncak siling rumah. Ia mendapat nama berdasarkan 12 batang tiang yang terdapat pada ruangan Rumah Ibu, 6 tiang serambi dan 6 tiang panjang. Bumbungnya panjang dengan tepi sudutnya dipasang tebar layar dan di penghujungnya dipasang pemeleh atau juga dikenali sebagai tumpu kasau dan sepasang pemeleh ibu dan sepasang serambi. Rumah ini terdapat 3 modul iaitu Rumah Ibu, Rumah Tengah dan Rumah dapur. Rumah Ibu mempunyai ruang selasar iaitu satu ruang yang luas untuk menerima tetamu. Rumah Tengah pula menempatkan bilik-bilik dan bersekat-sekat, begitu juga Rumah Dapur.

“Rumah tradisional ini disebut Rumah Tiang 12 kerana mempunyai 12 tiang kayu yang diletakkan di atas tanah dan ditanam dengan kedalaman sedalam 4 hingga 5 kaki ke dalam tanah.”

(Temubual, R5-RPK)

“12 tiang ini merujuk kepada 6 tiang serambi dan 6 tiang rumah ibu.”

(Temubual, R6-RPK)

4.3.1 Sejarah Pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12

Melalui satu temubual bersama En. Johan (pemilik rumah), berkenaan sejarah rumah Tiang 12, Rumah Tiang 12 Kelantan berkeluasan 375 kaki persegi atau bersamaan dengan 16.5 x 10 hasta ini didirikan oleh pemilik asalnya iaitu Tuan Hj. Abdul Kadir yang mana lokasi asalnya terletak di Kg. Menuang atau sekarang dikenali sebagai Kg. Atas Paloh berhampiran dengan Sungai Kelantan, Pasar Kubang Pasu, Masjid Muhammadi dan Istana Balai Besar dan Istana Jahar. Melihatkan kepada kedudukan lokasi asal Rumah Tiang 12 ini, ia merupakan lokasi yang strategik di lokasi penempatan lama. Maka sudah pastinya terdapat cerita yang tersendiri baik dalam aspek sejarah keluarga asal mahupun masyarakat sekitar. Rumah yang berusia 150 tahun ini, dikatakan telah didirikan pada tahun 1870 dan kini berusia 154 tahun tentunya menyimpan pelbagai cerita. Rumah Tiang 12 adalah jenis 'Rumah Ibu' yang antaranya mempunyai komponen seperti pemeleh, serambi basah, tebar layar, dinding janda berhias dan motif ukiran flora Alam Melayu, selain menambah sedikit pengubahsuaian seperti menambah pintu gerbang dan atap bata singgora.



Rajah 4.2 Atap Bata Senggora

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.3 Tebar Layar Pancaran Matahari

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.4 Pagar Musang

(Sumber: Rakaman foto di Kajian Lapangan)

Keluarga asal yang mendiami rumah ini telah menduduki rumah ini sehingga tahun 1983 dan selepas itu ia disewakan kepada orang luar. Pada tahun 2020, rumah ini telah menjalani baikpulih dan juga aktiviti relokasi (pemindahan) dari tapak asalnya ke Dusun Muda telah dilakukan oleh Hj. Johan Ariff bin Ismail. Ia mengambil masa 2 tahun untuk mendirikan kembali di Jalan Dusun Muda. Antara aktiviti pemuliharaan ialah: tagging (penandaan) dengan menanda komponen-komponen asal dan asas Rumah Tiang 12 sebelum proses menanggalkan dan memindahkan ke tapak sekarang. Rumah Melayu Kelantan Tiang 12 ini ialah rumah Bujang, bermodular dan ia merupakan satu-satunya rumah warisan Melayu yang masih boleh dilihat oleh generasi baru dalam keadaan lengkap berserambi basah (jemuran basah), mempunyai pintu gerbang, dinding janda berhias, serta ukiran-ukiran bermotifkan motif Kelantan ditambah dengan beberapa ragam hias dan pagar musang serta komponen-komponen lain yang dapat dilihat di Rumah Tiang 12 Sri Getam Guri. Rumah ini juga dikenali sebagai Rumah Pemeleh Tiang 12 atau Rumah Bujang Tiang 12.



Rajah 4.5 Pandangan hadapan Rumah Tiang 12
(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan)



Rajah 4.6 Pandangan sisi kiri Rumah Tiang 12
(Sumber: Google)

UNIVERSITY
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.7 Pandangan sisi kanan Rumah Tiang 12
(Sumber: Google)

Rumah tradisional juga menggunakan teknologi Alam Melayu tersendiri yang dikenali sebagai tanggam dan pasak. Tanggam dan pasak adalah teknologi tradisional yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu dalam membina sebuah rumah. Selain itu, ia juga kurang menggunakan paku besi untuk menjaga keutuhan kayu daripada mereput. Hakisan dari paku berkarat akan mempercepatkan reputan kayu dan mengurangkan ketahanan rumah.

“Orang dulu tidak menggunakan paku.. Guna tanggam dan pasak. Contoh boleh dilihat di Masjid Kg Laut.”

(Temubual,R3-RPK)

“Teknologi dahulu sudah canggih.. Tanpa menggunakan paku boleh mendirikan rumah dengan kukuh dan tidak roboh.”

(Temubual,R4-RPK)

4.3.2 Perbezaan rumah dahulu dengan pada masa kini

Pelbagai bentuk bangunan yang unik dihasilkan daripada bangunan-bangunan yang dibina menggunakan bahan asas seperti kayu. Tukang-tukang Melayu pada masa dahulu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam membina struktur rumah yang cantik. Justeru itu, rumah tradisional masih lagi dihargai kerana mutu pertukangan yang baik, bahan binaan yang digunakan adalah berkualiti tinggi, dan sensitiviti terhadap isu alam sekitar, seperti menggunakan sumber iklim dalam reka bentuk dan menyesuaikan aspek sosial dan agama. Semua ini digabungkan dengan reka bentuk yang harmoni untuk menghasilkan bangunan yang sangat menarik. Namun begitu, rumah-rumah tradisional ini tidak lagi dibina. Diganti dengan pembinaan rumah-rumah yang reka bentuknya lebih moden yang dibina daripada bahan seperti batu-bata, plastik, kaca dan keluli. Pada masa kini, pembinaan rumah kayu memerlukan perbelanjaan yang tinggi, dan kaedah yang digunakan mungkin sangat berbeza. Hal ini menjadikan pembinaan rumah kayu tidak begitu dikenali pada zaman moden kerana kaedah pembinaan tradisional tidak lagi dipraktikkan oleh tukang-tukang.

“rumah dahulu tidak mempunyai teknologi yang moden seperti zaman sekarang, pembinaan rumah pada zaman dahulu memakan masa yang lama untuk siap berbanding rumah moden dengan teknologi canggih tidak memakan masa yang lama.”

(Temubual,R3-RPK)

Nilai budaya dan identiti masyarakat antara perbezaan yang dapat dilihat. Pembinaan rumah tanpa pagar pada masa dahulu dianggap sebagai perkara yang baik untuk menunjukkan kehidupan masyarakat Melayu pada masa tersebut yang hidup serumpun. Oleh itu, ia telah berjaya mewujudkan amalan jiran yang terus dilaksanakan sehingga sekarang. Rumah tradisional juga lebih baik daripada rumah moden kerana sistem peredaran yang baik yang mana peredaran angin yang teratur menjadikan ruang tidak panas.

“Rumah zaman dahulu mempunyai sisip angin menyebabkan ruang tidak panas.”

(Temubual, R6-RPK)

Tidak terkecuali di Kelantan, kondominium, Rumah Pangsa (flat), Rumah Teres, Bungalow dan Taman Perumahan adalah gaya kediaman moden yang popular di Malaysia. Rumah tradisional tidak lagi menjadi kediaman utama masyarakat Kelantan. Sebaliknya, mereka kini tinggal dalam rumah yang dibuat daripada logam, plastik, dan konkrit, berbanding dengan masyarakat dahulu yang tinggal dalam rumah yang diperbuat sepenuhnya daripada kayu. Keadaan ini telah banyak dipengaruhi oleh arus kemodenan, dan menyebabkan tukang-tukang yang berkemahiran semakin berkurangan sehingga seni pertukangan yang unik itu semakin dilupakan dan elemen kemodenan semakin digunakan dalam pembinaan rumah. Didapati bahawa keseimbangan yang diperlukan tidak wujud dalam pembinaan rumah moden. Rumah adalah bukan sahaja tempat tinggal tetapi juga seni bina yang memerlukan seni untuk menyediakan keselesaan dan menunjukkan identiti masyarakat Melayu. Oleh itu, keseimbangan ini adalah penting.

4.4 STRUKTUR DAN FUNGSI DALAM SENI BINA RUMAH TRADISIONAL

TIANG 12

Setiap ruang dalam rumah tradisional Melayu mempunyai falsafah dan kegunaannya dalam masyarakat Melayu. Ia dibina mengikut tipologi dan reka bentuk tertentu. Persekitaran rumah Melayu tradisi merujuk kepada kawasan dan aktiviti di sekeliling rumah. Kebiasaannya corak penempatan rumah tradisional didapati di kawasan desa atau perkampungan. Cara hidup masyarakat Melayu berkait rapat dengan hubungan alam semula jadi menyebabkan ia merupakan sesuatu yang unik difahami dan dihayati oleh masyarakat. Oleh itu, kajian mengenai fungsi dan peranan setiap ruang rumah tradisional Melayu menjadi satu keperluan kerana ia mempunyai nilai ilmu yang besar dari segi warisan dan budaya (Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 1985). Oleh itu, untuk menjadi panduan kepada generasi muda dan masyarakat Melayu hari ini, perlu dikenal pasti keunikan struktur dan fungsi dalam seni bina rumah Melayu tradisional Semenanjung Malaysia.

Rumah tradisional Melayu Kelantan dibina dengan mengutamakan keselesaan penghuni dengan memastikan sistem pengudaraan yang baik yang mana adanya laluan angin di bahagian bawah, atas dan tengah struktur rumah. Hal ini demikian kerana tukang rumah dahulu menitikberatkan suasana nyaman dan mesra alam dalam pembinaan rumah tradisional ini. Oleh itu, dalam struktur rumah tradisional ini terdapat lubang angin yang dibina bagi membolehkan haba panas keluar melaluinya. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa rumah dengan siling tinggi akan mengalami kurang rasa bahang panasnya berbanding rumah dengan siling rendah.

“Lantai rumah tradisional ini ada ruang-ruang untuk angin lalu. Jadi, haba akan masuk dari bawah dan keluar ke atas melalui sisip angin yang dibina. “

(Temubual, R5-RPK)



Rajah 4.8 Sisip angin

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)



Rajah 4.9 Lantai mempunyai lubang angin

(Sumber: Rakaman Foto di Kajian Lapangan)

4.4.1 Struktur dan fungsi ruang yang terdapat dalam seni bina Rumah Tiang 12

Ruang tradisional di Kelantan mempunyai ciri seni yang unik yang mana pengaruh Islam boleh dilihat dalam seni susunatur ruang rumah tradisional Melayu Kelantan. Setiap ruang dalam rumah tradisional Kelantan mempunyai fungsi jantina berdasarkan pengaruh agama Islam. Dilihat dari perspektif ini, ruang dapur adalah ruang yang paling banyak digunakan oleh wanita; sebaliknya, ruang serambi dan ruang ibu adalah ruang yang paling banyak digunakan oleh kaum lelaki. Rumah tradisional Kelantan adalah rumah yang susunaturnya bersesuaian dan mengikut cara Islam. Susun atur ruang mengikut ajaran Islam yang mana terdapat ruang yang mengasingkan antara ruang lelaki dan perempuan.

“Fungsi ruang rumah tradisional tiang 12 ini mempunyai pembahagian kepada kaum lelaki dan kaum wanita. Kebiasaannya kaum lelaki banyak menggunakan bahagian ruang ibu dan serambi untuk aktiviti dan melayani tetamu. “

(Temubual, R1-PRT12SGG)

“Kaum lelaki biasanya akan tidur dan berborak di ruang ibu manakala kaum wanita banyak menggunakan ruang dapur”

(Temubual, R2-PANR)

Jika dilihat dengan lebih terperinci, kaum wanita sering menggunakan ruang dapur, manakala kaum lelaki sering menggunakan serambi dan ruang ibu. Rumah Melayu Islam tradisional Kelantan dibina mengikut cara Melayu Islam. Aspek keagamaan adalah lebih penting dalam susunan ruang rumah Tiang 12. Ini disebabkan oleh fakta

bahawa rumah tradisional telah diwariskan dari generasi ke generasi mengikut adat resam, warisan dan agama Islam.

Jemuran basah atau dikenali sebagai selasar merupakan pengantara di antara luar dan dalam rumah dan mempunyai lantai yang lebih rendah dan berpagar. Ia biasanya dijadikan tempat untuk berehat, berbincang dan melayan tetamu khususnya tetamu lelaki. Tetamu yang berkunjung tidak perlu masuk ke dalam Rumah Ibu. Hal ini demikian kerana tetamu yang berkunjung ke rumah tidak akan mengganggu keluarga yang mendiami rumah tersebut.



Rajah 5.1 Jemuran Basah/ Selasar

(Sumber: Rakaman foto di Kajian Lapangan)

4.5 MAKNA DAN FALSAFAH PEMBINAAN RUMAH TRADISIONAL TIANG 12

Secara amnya, falsafah seni bina Islam digunakan secara meluas dalam pembinaan rumah Melayu tradisional. Kebanyakan rumah Melayu menggambarkan konsep kekuasaan Tuhan. Oleh kerana bahagian bawah rumah Melayu biasanya terdiri daripada tanah, bahagian bawah rumah pada asasnya melambangkan alam barzakh atau alam selepas mati. Ini disebabkan oleh fakta bahawa ia menggambarkan kembalinya manusia kepada tanah apabila telah meninggal dunia. Kemudian, di bahagian tengah biasanya terdapat ruang tamu, di mana orang biasa menjalankan urusan harian mereka. Ruang ini secara simbolik menggambarkan cara kehidupan manusia berfungsi di dunia.

Membangunkan sebuah rumah adalah kerja yang penting kepada masyarakat Melayu kerana rumah merupakan tempat untuk didiami sehingga akhir hayat. Oleh itu, orang Melayu akan memberi tumpuan kepada proses pembinaan rumah bermula daripada pemilihan tapak rumah sehinggalah memasuki rumah. Pelbagai elemen perlu diambil kira semasa proses pembinaan rumah. Oleh itu, daripada pemilihan tapak hinggalah kepada perhiasan rumah akan diiringi dengan pelbagai upacara spiritual.

Menurut Boby & Imbardi (2018), seni bina Melayu mempunyai makna dan falsafah yang unik yang berasal dari kearifan lokal yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Ini bermula dengan upacara menentukan tapak, yang merupakan peringkat awal pembukaan tanah untuk pembangunan rumah, dan bentuk dan susunan ruang dalam dan luar rumah, serta upacara menjaga kampung dan menjaga laut. Banyak rumah tradisional menggunakan pendekatan secara spiritual. Dalam kebudayaan Melayu tradisional, orang percaya upacara spiritual boleh membantu mencegah malapetaka seperti kecelakaan, kedukaan dan semua malapetaka yang

mungkin berlaku kepada keluarga. Upacara itu juga perlu dilakukan untuk mendapatkan faedah seperti rezeki tambahan, keamanan dan kebahagiaan untuk ahli keluarga rumah

4.5.1 Cara pembinaan rumah Tiang 12 ini dijalankan

Konsep metafora ataupun perlambangan di dalam sebuah rumah Melayu juga boleh ditafsirkan melalui bentuk fizikal binaan pada bahagian-bahagian tertentu dalam sebuah rumah, malah ada juga yang diterjemahkan dalam bentuk falsafah melalui fungsi ruang-ruang yang ada di dalam sesebuah rumah.

Kedudukan rumah tradisional ini dibina dengan menerapkan konsep Islam dalam reka bentuk yang mana kedudukan rumah tradisional ini diorientasikan ke arah Timur dan Barat. Hal ini demikian kerana membolehkan penghuni dan tetamu mengetahui arah kiblat untuk melakukan ibadah solat. Mereka memahami bahawa Allah SWT akan memberikan ganjaran untuk setiap perbuatan baik, tanpa mengira tahap hasilnya. Selain itu, ia membolehkan cahaya matahari masuk ke dalam ruang, terutamanya sinaran pagi, yang baik untuk kesihatan manusia (Mohd. Nazaruddin Yusoff et al., 2004)

Dari memilih tapak sehinggalah tersergamnya sebuah rumah, terdapat banyak unsur kepercayaan, pantang larang mahupun falsafah yang boleh kita tafsirkan atau simpulkan dari perlakuan pembuatnya atau bentuk kejadian sesuatu bahagian rumah. Masyarakat Melayu sangat menitikberatkan nilai dan norma kehidupan yang unik dan teratur. Oleh sebab itu, cara hidup, aktiviti sosial, nilai kerohanian, mahupun persekitaran mereka, memberi pengaruh kepada falsafah pembinaan sesebuah rumah

Melayu dan diterjemahkan dalam bentuk rumah yang tersendiri. Sebagai contoh, tukang-tukang pada masa dahulu mendirikan rumah dengan menggunakan ukuran tradisional iaitu berdasarkan hasta ibu. Hal ini demikian kerana, pada masa itu, Ibu adalah pengurus rumah tangga, pendidik anak-anak, menyediakan keperluan rumah tangga, sentiasa berada di rumah dan akan memberikan pandangannya mengenai keluasan sesebuah rumah itu. Setiap rumah ibu berbeza-beza keluasannya bergantung kepada ekonomi, keperluan dan saiz tanah.

“Rumah ibu dibina ikut ukuran hasta ibu yang mana cara yang digunakan oleh tukang-tukang kayu untuk pengukuran hasta adalah dengan menggunakan buluh. Sebagai contoh, si ibu inginkan keluasan seluas 10 hasta maka buluh akan dipotong mengikut ukuran 10 hasta si ibu.”

(Temubual, R1-PRT12SGG)

Rumah Tiang 12 dibina pemeleh di atasnya yang mana menjadi identiti bagi rumah tradisional Tiang 12. Pemeleh adalah pasangan papan yang terletak yang kedua-dua hujung bahagian atas tebar layar. Bentuk pemeleh ini sedikit melengkung dan meruncing ke atas menjadi karakter yang kuat dalam rupa seni bina rumah-rumah di Kelantan. Kayu pemeleh juga sebagai lambang keagungan dan kebesaran Allah dan berkaitan dengan dua sifat Allah iaitu “Jalal dan Jamal”. Huruf Lam Alif terlungkup ini boleh mewakili dua makna iaitu "Laa" bermakna "tiada," dan "Laa ilaha illallah" bermakna "tiada tuhan melainkan Allah,"

“Kebiasaannya, Kelantan menggunakan pemeleh Kelewang dan ia berbentuk seperti Lam Alif terbalik yang berarti “tiada tuhan selain Allah”. Lam Alif juga bermaksud “tidak”.”

(Temubual, R4-RPK)

Falsafah bagi pembinaan pemeleh ini adalah “pemeleh” dirujuk sebagai penghalang segala bahaya yang datang. Hal ini demikian kerana masyarakat dahulu mempunyai kekuatan ketuhanan di mana doa untuk memohon Allah menjaga keselamatan dan menjauhkan bencana dan malapetaka pada rumah dan penghuni di dalamnya. Dengan cara ini, iblis dan unsur bahaya tidak akan berani masuk ke rumah.



Rajah 5.2 Pemeleh Tebar Layar

(Sumber: Rakaman foto di Kajian Lapangan)

Dinding Janda Ria jika menurut NR Halim Nasir daripada kajian istana balai besar, beliau, ia merujuk pada dinding bahagian muka hadapan di mana terletak pemeleh pada akhir perabung bukaan bumbung panjang yang menjadi sebahagian elemen penting rumah Bujang Tiang 12 berpemeleh. Di bahagian ini akan terdapat ukiran-ukiran bunga dan simbol geometri yang merupakan sebahagian unsur utama pada dinding jenis ini. Selain itu, penggunaan perkataan “Janda” pada dinding ini asalnya merujuk pada “perempuan yang sudah dicerai suami”, ia dikiaskan kepada dinding. Ia juga dikiaskan sebagai wanita cantik atau dalam dialek Kelantan “jangok” kerana para waita khususnya di Kelantan mempunyai sifat dan karakter yang agak dominan.



Rajah 5.3 Dinding janda hias

4.6 PENUTUP

Tidak dapat dinafikan bahawa majoriti golongan muda yang mewarisi rumah tradisional tidak tahu nilai sebenar rumah. Oleh itu, untuk memastikan rumah tradisional ini kekal terpelihara, agensi pengekal budaya seperti institusi kerajaan dan Jabatan Warisan Negara (JWN) perlu melaksanakan strategi tertentu. Salah satu tipologi yang menonjolkan identiti Negeri Kelantan ialah Rumah Tiang 12, yang menunjukkan bahawa ia dimiliki oleh orang bangsawan yang terdiri daripada orang kaya dan bangsawan. Kebanyakan rumah ini dibina di bandar lama seperti beberapa kawasan Kota Bharu. Ini disebabkan oleh fakta bahawa kawasan itu banyak dihuni oleh orang kenamaan, seperti pekerja istana. Faktor rumah Kelantan tradisional ini dikenali sebagai "Tiang 12" kerana panjang kayu yang diperlukan untuk menyeimbangkannya dengan ruang yang diperlukan. Rumah-rumah tradisional ini mempunyai nilai seni bina yang tinggi, jadi ia perlu dikekalkan dan dipertahankan. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan nilai warisan rumah tradisional masih wujud di Kelantan dan dijadikan sebagai aset untuk generasi seterusnya serta mereka berpeluang untuk mengenali dan mengetahui akan rumah tradisional ini.

BAB V

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bahagian ini akan memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai kajian yang dilakukan dan kesimpulan dibuat berdasarkan hasil dapatan ketiga-tiga analisis kajian. Dalam bab ini, perbincangan yang dilakukan menjadi pengukur tahap keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pengkaji akan menyatakan beberapa cadangan dan langkah yang relevan bagi memudahkan penyelidik pada masa akan datang yang ingin melakukan kajian mengenai Rumah Tradisional Tiang 12 ini. Sememangnya projek penyelidikan ini dapat membantu pengkaji pada masa hadapan dalam memperolehi maklumat yang diinginkan kelak. Di samping itu, perlunya usaha yang mapan dari pelbagai pihak dalam memartabatkan Rumah Tradisional Tiang 12 ini yang mana berselari dengan matlamat pengkaji supaya tidak berlawanan demi mengambil keuntungan semata-mata.

5.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan menghuraikan dan merumuskan dapatan kajian berdasarkan tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji iaitu “Makna dan Falsafah di Sebalik Pembinaan Rumah Tiang 12 di Kota Bharu, Kelantan”. Perbincangan menggunakan dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data tiga analisis objektif kajian yang telah diulas dengan lebih terperinci dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1 : Sejarah Pembinaan Rumah Tiang 12

Berdasarkan kajian yang dilakukan untuk mencapai objektif pertama kajian ini, pengkaji mendapati bahawa sejarah pembinaan rumah tradisional Tiang 12 mempunyai cara pembinaannya yang teratur dan pembahagian ruang yang mempunyai fungsinya tertentu. Pembinaan rumah oleh tukang rumah pada zaman dahulu berkait rapat dengan ketamadunan Islam yang mana agama Islam dititikberatkan dalam kehidupan seharian mereka termasuklah semasa proses pembinaan rumah dilakukan, tukang rumah akan berwudhu terlebih dahulu dan berzikir dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

Kebanyakan Rumah Tiang 12 didiami oleh golongan bangsawan yang mana pembinaannya berkait rapat dengan alam persekitaran masyarakat pada masa dahulu. Hal ini demikian kerana bermula dari bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah sehingga kepada corak yang diukirkan pada rumah tradisional. Hal ini terbukti apabila dilihat pembinaan rumah tradisional menggunakan bahan semula jadi seperti buluh, kayu cengal dan juga atap rumbia.

Pembinaan rumah pada masa dahulu menggunakan konsep binaan yang boleh dibuka dan dipasang semula iaitu “pasang siap”. Kaedah yang digunakan dalam membangunkan rumah tradisional adalah dikenali sebagai “tanggam” yang mana kaedah ini tidak menggunakan paku dalam menyambungkan bahagian tertentu pada rumah dengan bahagian lain. Oleh itu, ia memudahkan penduduk pada masa dahulu untuk memindahkan rumah ke tempat lain memandangkan bahan yang digunakan hanyalah kayu.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2 : Struktur dan Fungsi dalam Seni Bina Rumah Tradisional Tiang 12

Melalui kaedah pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji ke atas struktur dan fungsi dalam seni bina Rumah Tradisional Tiang 12, pengkaji mendapati penyusunan ruang berkait rapat dengan kehidupan seharian penduduk yang mana terdapat ruang untuk peribadi, keluarga dan masyarakat. Secara keseluruhannya, rumah tradisional ini mempunyai tiga ruang utama iaitu rumah ibu, ruang dapur dan serambi.

Seterusnya, hasil idea daripada tukang rumah pada zaman dahulu yang memanfaatkan penggunaan alam semula jadi untuk membina sebuah rumah yang mana setiap struktur yang dibina mempunyai fungsinya tersendiri. Sebagai contoh, tukang rumah menggunakan sisik angin bercorakkan ‘tebuk tembus’ yang memudahkan laluan angin dan seterusnya menyejukkan ruang dalam rumah. Ukiran yang diukir pada rumah tradisional berkonsepkan motif alam semula jadi iaitu motif flora dan fauna. Bukan itu sahaja, peranan bendul pada seni bina rumah

tradisional adalah bertujuan mengikat serta menguatkan struktur rumah. Menurut temubual bersama pemilik rumah Tiang 12, ketebalan bendul merujuk kepada kekayaan pemilik rumah tersebut. Hal ini demikian, semakin tebal bendul dalam binaan rumah, semakin tinggi taraf pencapaian ekonomi pemilik rumah.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3 : Makna dan Falsafah di Sebalik Pembinaan Rumah Tradisional Tiang 12

Secara tradisinya, sebelum mendirikan sebuah rumah, tukang rumah akan melihat terlebih dahulu kesesuaian tapak untuk mendirikan rumah di kawasan tersebut. Oleh itu, satu ritual atau adat akan dilakukan dan kebiasaannya solat hajat dilakukan dalam proses mendirikan rumah memandangkan agama Islam diterapkan dalam pembinaan rumah tradisional ini. Tukang rumah akan meneliti arah matahari yang mana menjadi panduan arah kiblat bagi orang Islam serta kedudukan perigi sesebuah rumah. Bagi memastikan rumah yang didirikan adalah selesa dan nyaman untuk didiami, semua komponen seharusnya sehati dengan alam persekitaran.

Rumah Melayu tradisional yang dibina tanpa menggunakan paku yang diperbuat daripada logam, amatlah teguh dan tidak bergesel walaupun terkena ribut. Falsafah dari 12 tiang berbucu empat ini berkait rapat dengan kehidupan masyarakat misalnya dari segi kepercayaan, empat orang sahabat nabi (Abu Bakar, Umar, Usman, Ali) yang diagungkan orang Melayu. Bukan itu sahaja, kepercayaan tentang empat penjuru alam, empat arah angin (utara, selatan, timur, barat) serta kepercayaan empat unsur kejadian manusia (air, api, tanah, angin) merupakan benda lazim yang dipercayai oleh orang Melayu sejak zaman dahulu lagi. Secara

ringkasnya, dipercayai adanya 4 unsur, rumah yang dibina akan terdiri teguh.

5.3 CADANGAN

Rumah Tiang 12 adalah seni bina tradisional yang merupakan identiti bagi sesuatu bangsa. Ia merupakan aset negara yang tinggi nilainya yang mencerminkan kekayaan tamadun Melayu. Seni bina rumah Melayu tradisional di Kelantan ini melambangkan identiti dan kehidupan masyarakat yang berkait rapat dengan alam persekitaran sejak dahulu lagi. Namun begitu, ia mengalami kemusnahan dan kepupusan berikutan perubahan zaman. Oleh hal demikian, ia perlu dikekalkan dan dipelihara supaya tidak hilang ditelan zaman. Oleh itu, semua pihak berkepentingan perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan usaha memelihara rumah tradisional ini dapat dijalankan. Terdapat beberapa cadangan dalam kajian penyelidikan berkenaan Rumah Tradisional yang berkonsepkan Tiang 12 ini dikenalpasti untuk pengkaji pada masa akan datang. Antaranya adalah:

1. Menjadikan seni bina Rumah Tradisional Tiang 12 sebagai ikon dan identiti negeri Kelantan.

Cadangan ini seni bina Rumah Tradisional Tiang 12 seharusnya dijadikan sebagai ikon dan identiti bagi negeri Kelantan dalam sektor pelancongan yang mana pengunjung tempatan atau pelancong luar datang ke Kelantan, mereka dapat mengenali dan mengetahui keindahan seni bina masyarakat pada masa dahulu. Hal ini dapat menjadikan seni bina rumah tradisional ini mendapat tempat di hati pelancong kerana seni binanya yang unik dan

menarik. Negeri Kelantan mempunyai banyak aset warisan yang berharga. Kebanyakan rumah Tiang 12 didapati di kawasan Kota Bharu yang merupakan lokasi tumpuan pelancong. Oleh itu, ia dapat menarik minat ramai pelancong untuk datang berkunjung ke negeri tersebut.

2. Usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam memelihara Rumah Tradisional Tiang 12.

Usaha dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam memelihara Rumah Tradisional Tiang 12 di Kelantan memerlukan perancangan yang terperinci bagi memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pihak Muzium Kelantan perlu berganding bahu dengan Kementerian Pelancongan dalam usaha meningkatkan kesedaran dalam diri masyarakat mengenai pentingnya memelihara rumah tradisional ini. Media massa antara saluran yang digunakan untuk menyiarkan kepentingan rumah tradisional terhadap budaya, masyarakat, bangsa dan negara.


3. Menerapkan elemen-elemen rekabentuk rumah Melayu Tradisional dalam seni bina pada masa kini.

Pihak Kerajaan atau pihak Universiti misalnya perlu menerapkan elemen rekabentuk rumah Melayu dalam membina bangunan-bangunan yang dapat menonjolkan identiti tradisional pada bangunan. Hal ini demikian dapat dilihat pada bangunan Universiti Malaysia Kelantan, Istana Balai Besar, Istana Raja Muda dan Istana Jahar, dan beberapa bangunan yang lain.


Bangunan-bangunan yang terdiri megah dengan seni binanya menonjolkan pengaruh rumah Melayu tradisional negeri Kelantan akan memberi kesedaran kepada generasi baru untuk mencintai warisan negara.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

5.4 PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini telah menjawab objektif kajian yang ingin dicapai. Walau bagaimanapun, kajian lanjut perlu dilakukan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci. Kebanyakan rumah pada masa dahulu hanya menggunakan kayu untuk membina sebuah rumah. Oleh itu, usia rumah yang melebihi 100 tahun ini memerlukan penjagaan yang rapi dan teliti serta tenaga pakar diperlukan dalam memastikan rumah tradisional ini terus terpelihara supaya generasi muda dapat melihat dan dapat diterapkan nilai-nilai sejarah warisan dalam diri untuk turut memeliharanya. Rumah ini berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan di Kelantan. Walaupun proses ini akan memakan perbelanjaan yang tinggi, namun ia berbaloi kerana Seni bina Rumah Tiang 12 di Kelantan sememangnya tinggi nilainya dan memberi manfaat kepada masyarakat, negara dan bangsa dalam pelbagai aspek. Oleh itu, pelbagai pihak berkepentingan perlu memainkan peranan penting dalam mempertahankan identiti warisan dalam seni bina daripada mengalami kepupusan dan perlu diwarisi oleh generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

Atik Hosiah, Yulia Eka Putrie,. “Keindahan Dan Ornamenasi Dalam Perspektif Arsitektur Islam.” *Journal of Islamic Architecture*, vol. 2, no. 1, 2012, doi:10.18860/jia.v2i1.2106.

Abdul Jalal, A. F., Yusuf, A., Abd Hamid, A. F., & Abd Rahim, R. A. (2019). Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan Pahang Dan Usaha Memperkasakan Pemikiran Islam Di Malaysia. *TEMALI : Jurnal Pembangunan Sosial*, 2(1), 127–156.
<https://doi.org/10.15575/jt.v2i1.3753>

Aziz, N. F., Arifin, K., & Ujang, A. (2008). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan Terhadap Pembinaan Rumah Melayu Traditional. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)= International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*.

Azreena & Nangkula Utaberta. (2013). Motif-motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Kelanta dan Terengganu. <http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/95>
Hafizah Iszahanid. (2017). Punca Identiti Melayu Sukar Diterapkan Seni.
<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/308459/punca-identitimelayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>

Harun, Siti Norlizaiha, and Azira Ibrahim. *Karektor dan Elemen Ruang Persekitaran Rumah Melayu Tradisi Di Kelantan / Mohd Nasruddin Hasbullah, Dr. Siti Norlizaiha Harun and Azira Ibrahim. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA, 2010*

Harun, Dr. Siti Norlizaiha. “Sejarah Dan Pengaruh Senibina.” *Artikel Dalam Buletin Perancang, JPBD, UiTM Perak, 2005,*

Hj Johan Ariff bin Ismail (2024, Januari 10). *Sejarah Pembinaan Rumah Tiang 12.*

[Interview]

Mohamad Sohaimi, Man. Kepentingan Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu Di Abad Kini / Mohamad Sohaimi Man. Universiti Teknologi MARA, Perak, 2017, <http://idealogyjournal.com/>

“Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah Dan Penyelesaiannya.” Sari: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu, vol. 25, 2007, pp. 270–90.

Ima, I. (1989). Penggunaan Kayu Sebagai Bahan Binaan Utama di dalam rumah tradisional Melayu/Ima Idris.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kerangka, Pembangunan, et al. “Pembangunan Kerangka Definisi Seni Bina Melayu Moden Di Malaysia.” Journal of Design + Built, vol. 14, no. 1, Oct. 2021, <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/557>.

Mohd. Umzarulazijo Umar. Pengurusan Strategik Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di George To.... 26 May 2015, <https://www.slideshare.net/Umzarulazijo888/pengurusanstrategik-dalam-pemuliharaan-bangunan-warisan-di-georgetown-bandar-warisan-dunia-unesco>

Norlizaiha Harun, Siti, et al. “Struktur Ruang Dan Elemen Persekitaran Rumah Melayu Tradisi Di Kelantan.” Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, vol. 3, no. 2, Nov. 2011, pp. 12– 27, <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1596>

Norlizaiha Harun, Siti, 2005. “Sejarah Dan Pengaruh Senibina” Artikel dalam Buletin Perancang, JPBD, UITM Perak.

Norlizaiha. (2005). Perkembangan Sejarah dan Pengaruh keatas Senibina di Malaysia:

Sebuah Tinjauan Ringkas.

https://www.academia.edu/download/32971686/Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina.pdf

Negara, Jabatan Warisan, 2012. Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. 2012, pp. 1–57.

Puan Rosnawati Othman. (2024, Januari 11). Makna dan Falsafah di sebalik Pembinaan Rumah Tiang 12 melalui Perspektif Pemilik Akademi Nik Rasyiddin. [Interview]

Rasdi, M. T. M. (2010). Warisan seni bina Islam tradisional Malaysia

Rumiawati, Asnah, et al. “Identifikasi Tipologi Arsitektur Rumah Tradisional Melayu Di Kabupaten Langkat Dan Perubahannya.” *Jurnal Permukiman*, vol. 8, no. 2, Aug. 2013, pp. 78–88, <http://103.12.84.119/index.php/JP/article/view/89>

Syafiza, Aida. (2010, March). Sejarah Rumah Melayu Tradisional. Retrieved from <http://melayuconner.blogspot.com/2010/03/sejarah-rumah-melayu-tradisional.html>

Siti Sarah. BAB 3 – Metodologi Kajian – Sarah | SKBL2113. 26 Apr. 2015, <https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajiansarah/>

Surat, MS, et al. “Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam.” *Journal of Design + Built*, vol. 5, no. 1, 2012, <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47>

Tarigan, Riandy. Membaca Makna Tradisionalitas Pada Arsitektur Rumah Tradisional.

Yuszaidi, Mohd, and Mohd Yusoff. “Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa.” *Jurnal Melayu Bil*, vol. 14, no. 2, p. 2015. Bash, Eleanor. “Bab IV Metodologi Kajian.” PhD Proposal, vol. 1, 2015, pp. 138–47.

Yusoff, M., Osman, M. K. A., Rofie, M. K., & Abdul Rahman, M. N. (2004). Pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu.



LAMPIRAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 6.1 Rumah Tiang 12 menjadi tajuk dalam Surat Khabar Harian Metro